

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Kesimpulan.

Secara Keseluruhannya , kajian ini telah menunjukkan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan sesuatu yang positif iaitu melalui kesilapan kita dapat tahu tahap pencapaian subjek-subjek dalam bahasa Cina. Selain itu, melalui kesilapan yang dilakukan oleh subjek, kita akan mengetahui bidang bahasa yang telah dikuasai oleh subjek. Pendapat ini amat bertentangan dengan teori analisis kontrastif yang menganggap kesilapan sebagai sesuatu yang negatif.

Kesilapan-kesilapan dianggap sebagai satu proses pembelajaran yang harus dilalui oleh semua pelajar bahasa sasaran. Justeru , seperti yang dikatakan oleh ahli linguistik Pit Corder¹ bahasa sasaran merupakan satu strategi pembelajaran dan komunikasi. Oleh itu kesilapan tidak boleh dipandang sebagai kesalahan atau suatu unsur yang negatif. Walaupun pelajar bahasa sasaran sukar mencapai tahap kemahiran seperti penutur asli tetapi

¹ S. P. Corder." The Significance of Learners' Error " dalam J. C. Richard (ed.). *Op. Cit.* hal.27.

dengan pendedahan kepada bahasa sasaran, cara pembelajaran dan pengajaran yang memberangsangkan serta galakan yang di beri , tidak mustahil bagi mereka mencapai tahap postsistematis bahasa antarabahasanya . (interlanguage) .

Data-data yang dikumpul dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap penguasaan penulisan adalah rendah di kalangan pelajar Melayu sekolah rendah Cina. Ini dapat dilihat daripada kelemahan-kelemahan yang dilakukan oleh pelajar dalam keempat-empat aspek yang ditinjau iaitu bentuk tulisan bahasa Cina , tatabahasa , perbendaharaan kata dan penjodoh bilangan. Dari segi perbandingan kecekapan antara darjah, didapati bahawa cekap dalam bidang perbendaharaan kata dan tatabahasa tetapi lemah dalam aspek bentuk tulisan bahasa Cina jika dibandingkan dengan darjah lain. Bagi aspek penjodoh bilangan pula, peringkat darjah tidak mempengaruhi pencapaian mereka. Ini bermakna, tidak semestinya lebih tingginya darjah seseorang pelajar lebih baik prestasinya dalam penjodoh bilangan.

Setelah dianalisis , kajian ini telah menunjukkan satu pola yang jelas, iaitu pengaruh bahasa ibunda pelajar dan bahasa kolokial yang dituturkan oleh kaum

etnik Cina. Pengaruh tersebut berleluasa dalam setiap aspek yang ditinjau. Dengan itu, hakikat ini mendorong penulis membuat kesimpulan bahawa pengaruh bahasa ibunda dan bahasa kolokial telah menyebabkan pelajar-pelajar tidak mahir dalam menguasai bahasa sasaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa ibunda juga merupakan salah satu punca gangguan dan kesilapan-kesilapan dianggap sebagai contoh-contoh pemindahan negatif daripada bahasa ibunda kepada bahasa sasaran.

Walau bagaimanapun, bukan semua kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berpunca daripada pengaruh negatif bahasa ibunda. Terdapat juga kesilapan '*intralingual*' iaitu kesukaran bahasa sasaran itu sering juga menimbulkan masalah bagi pelajar. Seperti yang dimaklumkan bahasa Cina merupakan bahasa isolatif yang begitu unik. Keadaan ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat mengingatnya serta membezakan sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain.

Dapatan kajian ini menimbulkan tanda tanya juga tentang kualiti pengajaran terutamanya kebanyakan guru kurang berpengetahuan teknik pengajaran bahasa kedua. Maktab-maktab perguruan dan Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang penting bagi menjalankan latihan khas untuk guru pelatih dan guru terlatih yang ditugaskan

jar bahasa Cina kepada pelajar Melayu atau bukan Mereka harus diberi pendedahan yang mencukupi dan teori, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Sehubungan dengan itu, halan yang perlu diberi perhatian ialah keberkesanan han yang diberikan kepada guru dalam mengendalikan asi pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua bagi jar-pelajar Melayu.

Pendek kata, adalah amat mustahak memberi perhatian
uh kepada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh
ajar-pelajar dalam karangan mereka dan mentafsirkannya
igan betul. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna
a memberi penumpuan yang berlebihan pada kesilapan.
saliknya analisis ini mestilah mengambil kira bukan
haja setakat mana petua-petua kod linguistik diikuti,
tapi juga sejauh manakah pelajar-pelajar berjaya di
alam menyampaikan maksud mereka melalui penulisan.

1.2 Implikasi Kajian

Pada umumnya kebanyakkan guru-guru berpendapat bahawa pelajar-pelajar Melayu yang belajar di sekolah rendah Cina akan lebih senang mempelajari bahasa Cina jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar Melayu yang

lajari bahasa Cina di sekolah kebangsaan. Tetapi ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar-pelajar Melayu amat lemah dalam bidang bahasa, perbendaharaan kata, menulis tulisan bahasa dan juga penjodoh bilangan. Cara pengajaran yang baik adalah amat penting bagi membolehkan pelajar-pelajar menguasai bahasa Cina. Guru-guru harus buat perbandingan antara bahasa ibunda dan bahasa Melayu, agar pelajar-pelajar faham tentang berbezaan antara kedua-dua bahasa. Dalam pengajaran menulis atau menggunakan perkataan, guru sepatutnya menggalakkan pelajar-pelajar memilih, mencuba dan menguji sendiri salahan yang dilakukan. Melalui penulisan pengajaran, guru dapat mengetahui pengetahuan bahasa Melayu ada pada pelajar-pelajar. Guru hendaklah mengajar, bantah dan menggalakkan murid-murid membaca dan emperkenalkan buku-buku yang sesuai dan menarik agar mereka dapat memperkayakan pengetahuan dalam aspek perbendaharaan kata dan tatabahasa dalam bahasa Cina.

Memandangkan kesulitan pembelajaran bahasa Cina yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu adalah begitu serius sekali, maka Kementerian Pendidikan dan guru-guru harus mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan kemahiran pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa sasaran mereka. Jika keadaan ditinggalkan demikian tanpa

ada usaha-usaha pembaharuan dilakukan, mungkin pelajar-pelajar Melayu akan hilang keyakinan dalam pembelajaran bahasa sasaran mereka. Jika mereka tidak dapat mengukuhkan dasar bahasa Cina, mereka akan menemui masalah yang lebih rumit lagi apabila mereka berada di sekolah menengah. Secara tidak langsung, keadaan sebegini akan menyebabkan mereka meninggalkan mata pelajaran bahasa Cina. Oleh itu, kelas tambahan dan guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar pelajar-pelajar Melayu adalah amat dialu-alukan. Selain daripada itu, program-program yang komprehensif dan berkesan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur agar pelajar-pelajar Melayu dapat meningkatkan penguasaan bahasa Cina melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis kerana pendekatan bersepadu seperti ini adalah amat penting, kesemuanya melibatkan penggunaan tatabahasa dan cara menulis bahasa Cina.

Hasil kajian ini juga membolehkan guru-guru mengetahui prestasi mereka dalam pengajaran bahasa sasaran. Dengan itu, mereka boleh menyusun semula strategi-strategi pengajaran mereka. Dengan kata lain, keputusan kajian ini boleh dijadikan maklumbalas keberkesanan teknik mengajar dan bahan-bahan pengajaran yang digunakan. Dengan itu guru-guru dapat mengenalpasti sukatan pelajaran yang akan dilaksanakan dengan lebih

berkesan dan sempurna. Mereka juga boleh cuba mencari program-program yang dapat membantu pelajar-pelajar Melayu memperolehi bahasa sasaran. Pelbagai aktiviti bahasa yang menarik dan wajar untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina boleh dirancang dengan teliti, penggunaan alat-alat bantu mengajar seperti carta, silang kata dan alat-alat pandang-dengar yang bersesuaian dengan keperluan sukanan pelajaran dapat membantu mempertingkatkan prestasi pembelajaran bahasa Cina pelajar-pelajar. Selain itu media massa juga harus merancangkan program-program yang sesuai dan menarik supaya membolehkan pelajar-pelajar mempelajari bahasa Cina dengan lebih menarik.

Daripada kajian ini, pengkaji sendiri sependidik-pendidik yang mengajar pelajar-pelajar Melayu juga memperolehi manfaat daripadanya. Dengan mengetahui kelemahan-kelemahan pelajar-pelajar Melayu dan jangkaan kesulitan yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa sasaran, pengkaji dapat menolong mereka mengelakkan berlakunya kesilapan. Jika pengajar berpeluang untuk mengajar pelajar-pelajar Melayu mempelajari bahasa Cina pada masa yang akan datang, Dapatkan kajian ini merupakan panduan pengkaji menyediakan bahan pengajaran dan strategi-strategi digunakan.

5.3 Batasan kajian.

Kajian kes ini terdapat pembatasannya kerana faktor-faktor berikut:

5.3.1 Subjek kajian.

Di Malaysia, terdapat lebih daripada 25,000 orang pelajar bumiputera yang menerima pendidikan di sekolah rendah Cina. Kumpulan pelajar yang menjadi sampel dalam kajian kes ini ialah pelajar-pelajar Melayu darjah empat, lima dan enam daripada SRJK (C) Lai Meng Jalan Ampang, SRJK (C) Khew Bin Batu Caves dan SRJK (C) Selayang Baru di kawasan Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian ini hanya terhad kepada kumpulan pelajar berkenaan. Kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua pelajar Melayu yang belajar bahasa Cina sebagai bahasa sasaran di seluruh Malaysia.

5.3.2 Instrumen kajian.

Bahan kajian adalah terdiri daripada sebuah karangan dan satu set kertas peperiksaan. Bidang kesilapan yang diuji dalam karangan adalah secara umum sahaja iaitu

kesilapan tulisan, kesilapan tatabahasa, kesilapan perbendaharaan kata dan kesilapan penjodoh bilangan. Bidang kesilapan bahasa yang diuji dalam kertas peperiksaan pula terhad kepada kefahaman, penggunaan perkataan, pemilihan frasa, penjodoh bilangan dan menyusun semula ayat. Dengan batasan ujian tersebut, penguasaan bahasa subjek tidak dapat diuji keseluruhannya. Penguasaan lisan subjek tidak dapat dikesan langsung melalui ujian ini. Kemahiran menggunakan tanda bacaan juga tidak dianalisis dalam kajian ini.

5.3.3 Tempoh dan Masa Kajian

Kajian yang menjalankan hanya bersifat jangka pendek atau 'cross-sectional'. Ini bermakna kadar kesilapan yang diperlihatkan dalam ujian hanya menggambarkan kadar kesilapan yang dilakukan pada masa tersebut, sama ada kesilapan-kesilapan yang sama juga dilakukan oleh subjek pada beberapa tahun juga akan datang tidak dapat dikesan. Oleh itu, hasil daripada ujian ini tidak dapat menggambarkan penguasaan bahasa sebenar subjek-subjek pada tempoh masa yang lain.

5.3.4 Faktor-Faktor Luaran

Kesilapan penggunaan bahasa dalam kajian kes ini hanya berdasarkan kepada data-data yang dikumpul dan faktor-faktor seperti situasi persekitaran (situasi sosial), situasi pembelajaran, bahan pengajaran serta faktor genetik (keturunan). Kajian ini tidak berdasarkan faktor ekonomi, status sosial, psikologi kecerdasan akal dan sebagainya. Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini pula tidaklah dicungkil secara terperinci tetapi dikesan umum sahaja. Tujuannya adalah untuk melihat pengaruhnya ke atas kesilapan bahasa yang dilakukan oleh subjek-subjek.

5.3.5 Pembatasan Pengkaji

Penggunaan istilah, pembatasan kata dan penentuan salah betul dari semua aspek adalah terbatas kepada pengetahuan umum pengkaji sendiri. Dengan kata lain, ini adalah berlandaskan pengetahuan bahasa Cina yang diperolehi dari sekolah rendah hingga ke Universiti.

5.4 Saranan Kajian

Berdasarkan kepada pembatasan kajian, maka disarankan beberapa cadangan yang dapat mengatasi kekurangan tersebut. Bilangan subjek dicadangkan bertambah kepada saiz sampel yang lebih daripada 100 orang supaya dapat mewakili populasi pelajar-pelajar Melayu di sekolah rendah Cina. Subjek-subjek yang diambil haruslah datang dari tempat-tempat yang berlainan di Malaysia, supaya dapat menggambarkan penguasaan sebenar bahasa Cina para pelajar Melayu di sekolah rendah Cina.

Kumpulan sasaran yang diambil dalam kajian yang akan datang juga boleh terdiri daripada berbilang bangsa iaitu kaum Melayu, kaum Cina, kaum India dan kaum-kaum lain. Kumpulan yang berbilang bangsa ini membolehkan pengkaji membuat perbandingan sama ada kaum Cina lebih mahir dalam pembelajaran bahasa Cina ataupun kaum Cina tidak berbeza secara signifikan dalam belajar bahasa Cina jika dibandingkan dengan bahasa lain. Selain itu, kajian juga boleh dijalankan di sekolah menengah, maktab-maktab, kolej-kolej dan juga universiti. Kajian terhadap orang dewasa ini adalah perlu dijalankan kerana kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh orang dewasa memang berbeza dengan murid-murid sekolah rendah.

Bagi kajian-kajian yang seterusnya, disarankan pengkaji-pengkaji lanjutan membuat kajian yang lebih khusus dengan menggunakan kaedah penyelidikan yang lebih berkesan iaitu menguji dengan lebih mendalam tentang sesuatu aspek dalam bahasa Cina. Bagi menjamin hasil kajian yang lebih bermakna, sekurang-kurangnya 100 soalan disediakan untuk setiap bidang bahasa. Ujian kloz adalah lebih berkesan untuk menguji subjek-subjek yang belum dapat menguasai bidang mengarang.

Penguasaan bahasa para pelajar juga dapat dikesan melalui penguasaan lisan. Oleh itu, kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar boleh juga dikesan melalui bentuk ujian ini. Ujian lisan adalah penting kerana aspek lisan juga mempengaruhi bidang penulisan terutamanya bagi bahasa Cina yang mempunyai empat nada serta bunyi perkataan berhampiran yang amat sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar Melayu. Walau bagaimanapun, ujian lisan mestilah dikawal rapi, kerana tanpa pengawalan, keberkesanan ujian mungkin terjejas. Aspek-aspek yang hendak diuji mestilah dikenalpasti terlebih dahulu seperti nada, tatabahasa, bunyi bahasa dan aspek-aspek lain.. Prosedur soalan lisan hendaklah disediakan oleh pengkaji. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mengawal perjalanan ujian supaya aspek-aspek yang

dikemukakan kepada pelajar tidak lari daripada matlamat kajian. Perbualan, perbincangan, pendebatan, pembacaan dan penceritaan yang ditunjukkan oleh pelajar haruslah dirakam supaya penganalisisan selanjutnya mudah dijalankan.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh, kajian-kajian yang akan datang haruslah membuat perbandingan antara kaum dan juga antara sekolah-sekolah bandar dan luar bandar. Faktor keturunan, faktor ekonomi, faktor sosial, faktor persekitaran yang berlainan dapat mendedahkan sama ada lokasi sekolah, perbezaan bahasa ibunda, latar belakang keluarga dan tempat tinggal mempengaruhi bahasa para pelajar.

Pengkaji seterusnya juga disarankan menjalankan kajian jangka panjang atau 'longitudinal'. Ini adalah kerana kajian jangka panjang dapat menganalisis peringkat-peringkat yang dilalui oleh para pelajar dalam proses pembelajaran. Dengan itu, kita juga akan mengetahui masalah atau punca-punca yang membantu dan menghalang dalam proses pembelajaran bahasa.

5.5 Rumusan

Walaupun wujudnya kelemahan dalam kajian ini, namun kajian ini masih memberi sumbangan yang tertentu. Kajian ini bukan sahaja mengemukakan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu semasa mempelajari bahasa Cina, bahkan juga mengenalpasti punca-punca utama yang menyebabkan kesilapan-kesilapan tersebut dan alternatif penyelesaiannya. Ini telah memberi maklumat yang amat berguna kepada pelajar, pendidik dan pihak ibu bapa supaya memberi tumpuan terhadap pengetahuan tentang cara menulis tulisan Cina dan memperkenalkan cara pengajaran yang sistematik serta menarik untuk membolehkan pelajar-pelajar memperolehi tulisan bahasa Cina dengan lebih berkesan. Perbandingan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran dapat membantu pelajar menguasai tatabahasa bahasa sasaran dengan lebih mudah. Langkah ini adalah penting pada tahap awal pembelajaran bahasa sasaran supaya mereka dapat mengenal dan menulis gerakan-gerakan tulisan bahasa Cina dengan teknik yang betul. Dengan itu mereka dapat mencurahkan buah fikiran dalam bahasa Cina. Jika mereka mempelajari dan mempraktikkan dengan cara yang salah atau memperoleh pengetahuan tatabahasa yang tidak tepat pada peringkat sekolah rendah, maka usaha dua kali ganda akan digunakan untuk membetulkannya. Justeru, semasa mempelajari bahasa

sasaran, pendedahan yang luas terhadap bahasa tersebut adalah amat diperlukan seperti membaca majalah dan buku bahasa Cina, mendengar berita dan lagu dalam bahasa Cina, menonton program TV dalam bahasa Cina, menulis surat dalam bahasa Cina dan bertutur dalam bahasa Cina semasa di luar sekolah. Ini dapat memperkayakan pemerolehan perbendaharaan kata. Oleh hal yang demikian, mereka dapat menulis karangan dan berbual dalam bahasa Cina dengan sesuka hati dalam kehidupan sehari-hari.